

# Orang ramai teruja rasa pengalaman naik MRT percuma

## Apa kata mereka



“Saya percaya masalah kesesakan jalan raya di Damansara dan Bandar Utama, Petaling Jaya, Selangor dapat diatasi selepas MRT beroperasi.”

**MUTIARA ZAINAL**  
Eksekutif syarikat swasta



“Saya rasa teruja dapat merasa pengalaman menaiki tren MRT buat kali pertama. Kecanggihan pengangkutan awam ini setaraf dengan negara maju.”

**NORHAIDAH OSMAN**  
Guru sekolah dari Hulu Selangor



“Pembukaan operasi MRT membuktikan kerajaan telah menepati janji yang dilafazkan sebelum ini untuk memberikan keselesaan kepada orang ramai.”

**CHE ENGKU AMEEN**  
**CHE ENGKU AZIZ**  
Perunding kewangan



“Pembukaan operasi MRT yang mengikut jadual berjaya memberi kemudahan kepada rakyat malah mempamerkan kepimpinan kerajaan yang sistematik.”

**SYAZWANI ZAKARIA**  
Pekerja swasta



IBU BAPA membawa anak-anak mereka untuk merasa bersama pengalaman pertama menaiki MRT secara percuma dari Stesen Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur semalam.